



## 'Perbaiki defisit kepercayaan kerajaan, penjawat awam' - KSN

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim - Jun 15, 2023 @ 5:44pm  
mohd\_iskandar@bh.com.my

PUTRAJAYA: Ketua jabatan dan agensi perlu kerap turun ke lapangan sebagai antara usaha memperbaiki defisit kepercayaan antara kerajaan dan penjawat awam.

Pada masa sama, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali, berkata pendekatan itu penting untuk memastikan pelaksanaan dasar kerajaan sampai ke peringkat bawahan.

"Semasa saya mengambil alih sebagai KSN (Ketua Setiausaha Negara) pada 2020, defisit kepercayaan antara kerajaan yang ada dan penjawat awam agak kritikal sebab kita dah lama dengan kerajaan sebelumnya dan mereka (kerajaan ketika itu) kata kita masih sokong kerajaan dahulu.

"Sebenarnya tidak. Kita sebagai penjawat awam dan boleh tanya KSU (Ketua Setiausaha) lain, kita serve government of the day (berkhidmat untuk kerajaan dalam kuasa).

"Malah, kita orang paling cepat bertindak selepas tukar kerajaan, kita laksanakan tanggungjawab kerana kita faham itu kesetiaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada program Bual Bicara Bersama KSN yang dikendalikan Pengurus Lembaga Pengarah Universiti Utara Malaysia (UUM), Tan Sri Dr Mohd Shukor Mahfar, sempena Majlis Ulang Tahun ke-20 Program Sarjana Pengurusan Awam UUM di sini, hari ini.

Mohd Zuki berkata, hubungan antara kerajaan dan penjawat awam pasca merdeka amat erat dan saling memahami kerana kebanyakan ahli politik ketika itu asalnya penjawat awam.

Bagaimanapun, katanya, selepas 1970-an, kebanyakan ahli politik bukan lagi daripada penjawat awam, sebaliknya orang muda yang tidak berpengalaman dalam perkhidmatan awam.

"Itu sebabnya sebagai penjawat awam, kita berkhidmat untuk kerajaan yang ada dan perlu pastikan dalam apa jua keadaan, matlamat kita hanya satu iaitu memastikan kita memberi perkhidmatan sewajarnya kepada rakyat.

"Sebagai ketua, kita bertanggungjawab berperanan sebagai individu yang melaksanakan, pastikan visi sampai ke (orang) bawahan.

"Bagi saya, ketua yang ada ini, walaupun dia tegas, keras ke apa, perlu kerap turun ke bawah, jangan harap hanya orang di bawah melaksanakan tugas," katanya.

Mohd Zuki turut mengingatkan perlu ada kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan negeri supaya tidak wujud pertindihan bidang kuasa.

Jelasnya, pertindihan menyebabkan negara berkemungkinan terlepas peluang dimiliki.

"Umpamanya nak tarik pelabur, kadang-kadang pelabur mengadu mengenai sistem di Malaysia ini, nak dapat kelulusan, sampai 10 agensi perlu dirujuk.

"Pergi satu agensi ini, minta dokumen ini, selepas itu ke agensi lain minta dokumen yang sama, kadang-kadang lebih lagi dan akhirnya pelabur kata susah nak dapatkan kelulusan untuk melabur di Malaysia," katanya.